

No. Ruj. : USM/PTI/OPR/06

Tarikh : 10 Februari 2026

Kepada : Semua Staf
Kampus Induk/Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin/Kesihatan/
Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)/
Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi (PKTAAB)
Universiti Sains Malaysia (USM)

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 9 TAHUN 2026

- DASAR BAHARU PENGUMPULAN MATA CPD (2026) BAGI STAF UNIVERSITI SAINS MALAYSIA [PENGURUSAN TERTINGGI-GRED KHAS/GRED UTAMA, KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL (PENTADBIRAN) DAN PELAKSANA]

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia : Dasar Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2024) yang berkuat kuasa mulai 1 September 2025, pihak Universiti melalui mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Ke-249 Bil.1/2026 pada 7 Januari 2026 telah meluluskan pelaksanaan **Dasar Baharu Pengumpulan Mata CPD** kepada semua staf Universiti Sains Malaysia (USM). Di bawah dasar baharu ini, mulai tahun 2026, **staf-staf Universiti di semua kategori** iaitu kumpulan Pengurusan Tertinggi (Gred Khas/Gred Utama), Pengurusan & Profesional dan Pelaksana perlu menjalani program-program latihan/pembangunan bakat/peningkatan tahap kompetensi dengan mengumpul minimum 40 mata CPD setahun. Jumlah 40 mata CPD ini adalah bersamaan dengan 40 jam latihan setahun.

3. Berikut diperincikan beberapa perkara kritikal berkaitan pelaksanaan **Dasar Baharu Pengumpulan Mata CPD (2026)** ini untuk perhatian warga staf Universiti :-

- i. Pengumpulan mata CPD perlu mengikut penetapan bilangan minimum pengumpulannya di bawah kompetensi Teras, Fungsian dan ICT. Perinciannya boleh dirujuk pada **LAMPIRAN A**.
- ii. Jumlah mata CPD lebihan bagi tahun semasa tidak boleh dibawa ke tahun hadapan dan seterusnya.
- iii. Pengiktirafan pengumpulan mata CPD melalui elemen Perundingan & Sanjungan Kepakaran (bagi staf pentadbiran di komponen M4 'MyPerformance'). Perinciannya boleh dirujuk pada **LAMPIRAN B**.
- iv. **Pemberian satu (1) mata CPD tambahan (bonus)** bagi staf yang melengkapkan sepenuhnya e-survey untuk program-program latihan tertentu. Maklumat daripada pengisian e-survey ini akan menyumbang pelbagai data yang diperlukan untuk 'Training Needs Analysis' (TNA) kepada Pusat Transformasi Insan (PTI) khususnya dan Universiti amnya.
- v. Prosedur permohonan mata CPD untuk penganjur kursus-kursus latihan dan oleh individu (staf) adalah dikekalkan. Perinciannya boleh dirujuk pada **LAMPIRAN C** dan **LAMPIRAN D**.
- vi. **Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Kompetensi Universiti**, khusus untuk staf pentadbiran. Jawatankuasa ini berperanan mengkaji dasar dan hala tuju pelan pembangunan kompetensi Universiti, mengesyorkan cadangan penambahbaikan dasar CPD dan memantau jaminan kualiti serta keberkesanan program latihan bagi staf pentadbiran [Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana].

...2/-

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 9 TAHUN 2026

- DASAR BAHARU PENGUMPULAN MATA CPD (2026) BAGI STAF UNIVERSITI SAINS MALAYSIA [PENGURUSAN TERTINGGI-GRED KHAS/GRED UTAMA, KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL (PENTADBIRAN) DAN PELAKSANA]

4. Perincian sepenuhnya mengenai pengumpulan mata CPD bagi staf-staf akademik Universiti akan dimaklumkan nanti melalui hebahan Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE).

5. Dalam hal ini, bagi tujuan penyampaian maklumat yang lebih jelas kepada warga staf pentadbiran Universiti mengenai pelaksanaan **Dasar Baharu Pengumpulan Mata CPD (2026)**, pihak Pusat Transformasi Insan (PTI) akan mengadakan dua (2) sesi 'Townhall' dengan butirannya seperti berikut :-

KAMPUS	TARIKH & MASA	TEMPAT
• Induk • Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin • Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi (PKTAAB)	11 Februari 2026 (Rabu) Masa 2.30 petang	Dewan Persidangan Universiti (DPU)
Kesihatan	25 Februari 2026 (Rabu) Masa 10.00 pagi	Dewan Peperiksaan, Kompleks Pentadbiran

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan ke atas pelaksanaan **Dasar Baharu Pengumpulan Mata CPD (2026)** ini dan seterusnya bersama-sama menjayakannya adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(NURUL IZZAT BINTI ROZALI)

Pengarah Pusat Transformasi Insan (PTI)

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Pengarah, Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin / Kampus Kesihatan

Pengarah, Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)

Pengarah, Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi (PKTAAB)

Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar Kanan, HPUSM, Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin

Timbalan Pendaftar, Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi (PKTAAB)

Ketua Penolong Pendaftar, Pusat Transformasi Insan, Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan

Semua pegawai pentadbiran Pusat Pengajian/Pusat/Jabatan/Institut/Unit

JADUAL PENGUMPULAN MATA CPD MINIMUM MENGIKUT JENIS KOMPETENSI BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI [AHLI JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI (JKPU) DI GRED KHAS/GRED UTAMA], PENGURUSAN & PROFESIONAL (PENTADBIRAN) DAN PELAKSANA

KUMPULAN STAF	KOMPETENSI TERAS	KOMPETENSI FUNGSIAN	KOMPETENSI ICT	GENERIK
Pengurusan Tertinggi [Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) di Gred Khas/Gred Utama]	Tiada had minimum pengumpulan mata CPD			
Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) • Gred 12 – Gred Utama	12 mata CPD	6 mata CPD	6 mata CPD	Tiada had minimum pengumpulan mata CPD
Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) • Gred 9 & Gred 10	6 mata CPD	12 mata CPD	6 mata CPD	
Pelaksana	6 mata CPD	6 mata CPD	3 mata CPD	

Nota

- Staf pentadbiran perlu melengkapkan jumlah pengumpulan mata CPD minimum mengikut jenis kompetensi dan gred perkhidmatan masing-masing seperti yang dinyatakan dalam jadual.
- Jumlah mata CPD lebihan bagi tahun semasa tidak boleh dibawa ke tahun hadapan dan seterusnya.
- Kursus **Kompetensi Teras** adalah program-program latihan yang berkaitan tujuh (7) Kompetensi Teras Universiti, dasar/polisi Universiti dan dasar/polisi Kerajaan.
- Kursus **Kompetensi Fungsian** adalah program-program latihan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan/kompetensi/skil/kemahiran dalam pelaksanaan deskripsi tugas (JD) staf.
- Kursus **Kompetensi ICT** adalah program-program latihan berkaitan teknologi maklumat, digitalisasi dan kecerdasan pembuatan (AI).
- Kursus **Generik** adalah merangkumi program-program berunsurkan nilai, integriti, kelestarian, kesejahteraan dan motivasi.
- Penentuan jenis kompetensi bagi mata CPD yang dikumpul melalui elemen **Perundingan & Sanjungan Kepakaran** (bagi staf pentadbiran di komponen M4 'MyPerformance') adalah ditentukan sendiri oleh staf terlibat dan disahkan oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP) melalui 'MyPerformance'/'HCMS Academic'.

KAEDAH PENGUMPULAN MATA CPD BAGI KOMPONEN PERUNDINGAN & SANJUNGAN KEPAKARAN (KOMPONEN M4 MYPERFORMANCE) & (HCMS ACADEMIC)

Dinilai berdasarkan penglibatan Pengurusan Tertinggi (Gred Khas/Gred Utama), Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana dalam aspek perundingan dan sanjungan kepakaran [(komponen M4 MyPerformance) & (HCMS Academic)].

- Perundingan merujuk kepada aktiviti yang berkaitan dengan kepakaran pegawai bagi melaksanakan sesuatu projek. Contohnya sebagai ahli panel, penyebaran ilmu dan perkongsian kepakaran sebagai pakar rujuk.
- Sanjungan Kepakaran merangkumi keahlian panel, keahlian jawatankuasa, keahlian badan profesional, pemeriksa, penilai, penyunting, juruaudit, anugerah inovasi, perolehan anugerah pentadbir dan sebarang bentuk penghargaan dalam bidang kepakaran pegawai terlibat.
- **Jadual penetapan jumlah mata CPD mengikut kategori Perundingan dan Sanjungan Kepakaran :-**

BIL.	KATEGORI	MATA CPD
1	Bimbingan/Kaunseling/Mentor	5 mata CPD
2	Pembentangan Kertas Kerja/Penyampai Ucapatama	1 Jam = 1 mata CPD
3	Pengajaran/Penyampai/Perkongsian Ilmu Pentadbiran/ Kemahiran Ikhtisas	1 Jam = 1 mata CPD
4	Sanjungan Kepakaran	5 mata CPD
5	Penerbitan	<i>Akan dimaklumkan nanti melalui hebahan Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE)</i>
6	Perundingan	

- Penentuan jenis kompetensi bagi mata CPD yang dikumpul melalui elemen **Perundingan & Sanjungan Kepakaran** (bagi staf pentadbiran di komponen M4 'MyPerformance') adalah ditentukan sendiri oleh staf terlibat dan disahkan oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP) melalui 'MyPerformance'/'HCMS Academic. Mata CPD bagi Komponen Perundingan & Sanjungan Kepakaran tidak boleh dipohon melalui permohonan mata CPD staf (individu) melalui Sistem MyCPD.

TERMA RUJUKAN (TOR) BAGI PERMOHONAN MATA CPD OLEH PENGANJUR (ENTITI USM)

Penganjur bermaksud **mana-mana PTJ/staf Universiti (entiti USM) yang menganjurkan apa-apa program sama ada di dalam atau di luar USM**, yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan, pembangunan kompetensi/skil, kecekapan dan motivasi staf dalam perkhidmatan serta kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan (*service delivery*) staf/PTJ/Universiti. Program yang dianjurkan boleh dikategorikan di bawah kompetensi Teras atau Fungsian atau ICT atau Generik, tertakluk kepada tujuan dan kandungan program serta kumpulan sasaran staf sebagai pesertanya.

a. Syarat, Peraturan & Prosedur

1. Kategori program latihan yang layak bagi permohonan mata CPD adalah seperti berikut :-
 - i. Kursus/Program Latihan jangka pendek/jangka panjang.
 - ii. * Bengkel/Makmal/Sesi Taklimat/Sesi 'Townhall'/Ucaptama
 - iii. * Seminar/Persidangan/Konvensyen/Simposium/Kolokium/Forum/Dialog/Syarahan
 - iv. Lawatan Penanda Aras
 - v. * Perutusan Naib Canselor/Pengarah Kampus/Taklimat Khas Universiti

*** *Penceramah/Pembentang/Ahli Panel juga layak diberikan mata CPD sekalipun kandungan program adalah/berkaitan tugas hakikinya (JD).***
2. Program-program wajib sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan seperti Kursus Induksi, Program Transformasi Minda (PTM) dan program latihan Sijil Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) **tidak akan diberikan mata CPD.**
3. Penganjur perlu mengemukakan permohonan kepada pihak Pusat Transformasi Insan (PTI) **selewatnya dua (2) minggu sebelum program bermula** bagi penelitian dan kelulusan pihak PTI.
 - Permohonan boleh dikemukakan secara dalam talian (*online*) menerusi sistem/menu ikon 'MyCPD' di portal 'Campus Online'. Selepas mengakses ikon 'MyCPD', pemohon (penganjur) klik menu 'Permohonan CPD' diikuti sub-menu 'Penganjur'.
4. Permohonan hanya untuk program-program latihan yang dijalankan dalam tahun semasa sahaja.

b. Jadual Skala Pemberian Mata CPD

KURSUS JANGKA PENDEK (1 BULAN & KE BAWAH)	JUMLAH MATA CPD
i. Kursus setengah hari dan kurang setengah hari	1 jam = 1 mata
ii. Kursus 1 hari	6 mata CPD (maksimum)
iii. Kursus melebihi 3 hari	20 mata CPD (maksimum)

TERMA RUJUKAN (TOR) PERMOHONAN MATA CPD OLEH STAF (INDIVIDU)

Terma rujukan ini adalah bagi memberikan ruang kepada mana-mana staf Universiti untuk memohon mata CPD kerana telah mengikuti dengan lengkap/sepenuhnya **apa-apa program yang dianjurkan oleh mana-mana entiti bukan USM (agensi luar)**, yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan, pembangunan kompetensi/skil, kecekapan dan motivasi staf dalam perkhidmatan serta kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan (*service delivery*) staf/PTJ/Universiti. Program yang diikuti boleh dikategorikan di bawah kompetensi Teras atau Fungsian atau ICT atau Generik, tertakluk kepada tujuan dan kandungan program serta kumpulan sasaran staf sebagai pesertanya.

a. Syarat, Peraturan & Prosedur

1. Kategori program latihan yang layak bagi permohonan mata CPD adalah seperti berikut :-
 - i. Kursus/Program Latihan jangka pendek/jangka panjang
 - ii. * Bengkel/Makmal/Sesi Taklimat/Sesi 'Townhall'/Ucaptama
 - iii. * Seminar/Persidangan/Konvensyen/Simposium/Kolokium/Forum/Dialog/Syarahan
 - iv. Lawatan Penanda Aras
 - v. * Perutusan Naib Canselor/Pengarah Kampus/Taklimat Khas Universiti

*** Penceramah/Pembentang/Ahli Panel juga layak diberikan mata CPD sekalipun kandungan program adalah/berkaitan tugas hakikinya (JD).**
2. Permohonan boleh dikemukakan secara dalam talian (*online*) menerusi sistem/menu 'MyCPD' di portal 'Campus Online'.
 - Selepas mengakses ikon 'MyCPD', staf perlu klik menu 'Permohonan CPD' diikuti sub-menu 'Individu'.
 - Pegawai Penilai Pertama (PPP) staf berkenaan bertanggungjawab untuk memberikan pengesahan termasuk kategori kompetensinya (Teras/Fungsian/ICT/Generik) sebelum diluluskan pihak Pusat Transformasi Insan (PTI).
3. Program-program wajib sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan (jika diambil di luar USM/agensi luar) seperti Kursus Induksi, Program Transformasi Minda (PTM) dan program latihan Sijil Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) **tidak boleh dipohon untuk mata CPD.**
4. Permohonan hanya untuk program-program latihan yang diikuti dalam tahun semasa sahaja.

b. Jadual Skala Pemberian Mata CPD

KURSUS JANGKA PENDEK (1 BULAN & KE BAWAH)	JUMLAH MATA CPD
i. Kursus setengah hari dan kurang setengah hari	1 jam = 1 mata
ii. Kursus 1 hari	6 mata CPD (maksimum)
iii. Kursus melebihi 3 hari	20 mata CPD (maksimum)
KURSUS JANGKA SEDERHANA/PANJANG (LEBIH DARI 1 BULAN)	$\frac{40 \text{ Mata CPD}}{12 \text{ Bulan}} \times \text{Bilangan Bulan Kursus}$